

15/04/1997

3 Exco Melaka wajar undur diri

MELAKA, Isnin - Tiga ahli Exco kerajaan Melaka jika didapati bersalah terbabit dalam rasuah, wajar mengundurkan diri, seperti yang dibuat oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib untuk menjaga nama baik parti dan kerajaan.

Ini antara hukuman yang mungkin boleh diambil terhadap ketiga-tiga Exco berkenaan jika mereka didapati bersalah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata beliau tidak mahu menjadi juara untuk mempertahankan Exco terbabit dan jika didapati bersalah, mereka perlu menerima hukuman.

Bagaimanapun, katanya, biarlah Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan siasatan.

"Setelah siasatan selesai, kalau benar-benar didapati mereka melakukan kesalahan atau penyelewengan, mungkin pada masa itu, kita boleh bertindak terhadap mereka," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Rabu lalu, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid mengumumkan BPR menyiasat lapan Exco kerajaan negeri, tiga daripadanya dari Melaka dan masing-masing seorang dari Johor, Pahang, Kedah, Sabah dan Selangor kerana disyaki rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Katanya, siasatan BPR meliputi aduan penyalahgunaan kuasa berhubung pemberian tanah, konsesi pembalakan serta tanah perumahan dan perindustrian.

Mohd Zin berkata, dakwaan Exco rasuah itu masih samar-samar dan tindakan tidak boleh diambil berasaskan kepada khabar angin atau laporan yang dibuat oleh media massa.

Katanya, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) pada 12 April membincangkan perkara itu dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan melihat dahulu, kedudukan lapan Exco kerajaan negeri yang dikatakan terbabit dalam rasuah.

"Saya sendiri terkejut dengan laporan menyatakan tiga Exco Melaka terbabit dengan rasuah, sama ada dakwaan itu betul atau khabar angin saja," katanya.

Menurut Mohd Zin, beliau sendiri ada mendengar seorang Exco Melaka dikatakan ditangkap atau dijumpai di Johor Bahru atau Singapura kerana membawa wang tunai RM3 juta.

"Apabila disiasat, didapati pasport Exco berkenaan, tidak mempunyai cop yang beliau ke Singapura.

Setakat ini, tiada laporan sama ada daripada BPR atau imigresen, yang menangkap ahli Exco ini," katanya.

Berikutan itu, tegasnya, tiga ahli Exco Melaka yang disiasat oleh BPR dikehendaki menjalankan tugas seperti biasa sehingga satu keputusan dibuat sama ada oleh pucuk pimpinan atau mahkamah.

(END)